

11/10/2002

Dr Chandra elak jadi saksi kes hasutan

KUALA LUMPUR, Khamis - Mahkamah Sesyen hari ini diberitahu bahawa bekas Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional, Dr Chandra Muzaffar, beralih apabila diminta menjadi saksi.

Pengarang Satu Harakah, Zulkifli Sulong, 39, yang membela diri kerana didakwa menerbitkan rencana berunsur hasutan, berkata beliau sudah menghubungi Chandra sebaik dia diminta membela diri.

"Sebaik saja mahkamah memutuskan saya dipanggil untuk membela diri, saya menghubungi Chandra melalui telefon dan emel untuk memintanya menjadi saksi dalam kes ini.

"Beliau setuju dengan berkata jika masa mengizinkan dan jika perlu jadi saksi, dia akan datang (jadi saksi). Apabila saya menghubunginya sekali lagi, beliau meminta peguam saya menulis kepada peguamnya.

"Peguam saya kemudian mengutus surat seperti diminta...tetapi setakat ini belum ada jawapan daripada mereka," katanya.

Zulkifli didakwa menerbitkan rencana hasutan membabitkan jentera kerajaan yang menjalankan siasatan dan pendakwaan dalam kes liwat bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Rencana itu antara lain mengandungi perenggan berbunyi: "Adalah memalukan bahawa elemen-elemen dalam pasukan polis, pejabat Peguam Negara, mahkamah dan media bersedia diperalatkan dalam konspirasi yang terbesar yang dirancang oleh Perdana Menteri Mahathir Mohamad dan konconya".

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di 28A, Jalan Pahang Barat off Jalan Pahang, Kuala Lumpur, sekitar 2 Ogos tahun lalu dan didakwa mengikut Seksyen 4 (1) (c) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 4(1) akta sama.

Menjawab soalan peguam belanya, Zamani Ibrahim, Zulkifli berkata, sebagai akhbar yang mewakili sebuah parti politik berdaftar, mereka cuba sedaya upaya untuk tidak melanggar undang-undang.

"Kami di Harakah sebolehnya mengelak daripada dikenakan tindakan undang-undang dengan menganjurkan seminar dan kursus untuk membolehkan wartawan kami menjadi penulis terbaik tanpa melanggar undang-undang negara," katanya.

Zulkifli berkata, baginya masalah ketika itu (artikel itu diterbitkan) ialah media melaporkan secara berlebihan dan beliau setuju dengan kenyataan Dr Chandra bahawa media berniat jahat dan atas dasar itu, artikel itu disiarkan.

"Apabila media menyiarkan berita berunsur lucah, ia memberi kesan negatif kepada kanak-kanak dan kerana itu, Harakah setuju dengan kenyataan Dr Chandra bahawa liputan akhbar itu hina dan jahat," katanya.

Beliau berkata, artikel itu adalah reaksi penulis terhadap media massa yang dianggap berat sebelah dalam laporan.

"Ia adalah lebih kepada meluahkan rasa kecewa penulis terhadap media massa dan bukan menghasut atau benci," katanya.

Perbicaraan didengar Hakim Rosenani Abdul Rahman dan pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Rahman Redza. Perbicaraan bersambung esok.